

# Tradisi tarik pukat darat kekal

UM 10/02/24 M/S 4

**KUALA NERUS:** Cuaca yang semakin baik di akhir musim tengkujuh ketika ini membolehkan penduduk pesisir pantai di Terengganu memulakan aktiviti tarik pukat darat untuk mendapatkan hasil laut.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pantai Mengabang Lekor, Batu Rakit di sini semalam mendapati beberapa kumpulan penduduk bergotongroyong menarik pukat darat di pantai itu seawal pukul 7 pagi hingga 1 tengah hari.

Seorang penduduk, Anuar Ngah, 55, berkata, tarik pukat darat adalah aktiviti nelayan tradisi pesisir pantai sejak 50 tahun dahulu yang masih diteruskan hingga kini.

Menurutnya, hasil tangkapan ikan yang diperolehi bukan untuk dijual sebaliknya akan diagih sama rata untuk semua yang terlibat.

“Kebanyakan nelayan akan turun ke laut dengan bot untuk memasang pukat manakala sebahagian yang lain akan menunggu di darat untuk menarik pukat tersebut.

“Aktiviti ini memang menyeronokkan kerana setelah sekian lama tidak dapat menikmati ikan segar (kerana

musim tengkujuh), ia dapat dimulakan seperti rutin biasa akhirnya,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Antara spesies hasil laut yang mudah didapati melalui aktiviti itu ialah ikan tamban, anak selar batu, celek, derang, rapang, pari, ebek, udang hari-mau dan sotong katak.

Seorang lagi penduduk, Nur Ain Amirah Mohamad Azhar, 34, pula berkata, dia teruja dapat membawa tiga anaknya melihat sendiri aktiviti menarik pukat itu yang menjadi rutin penduduk Terengganu pada akhir musim tengkujuh.

“Dulu, masa kecil suka tengok ayah dan kawan-kawannya tarik pukat, sekarang giliran anak-anak pula tengok sendiri kreativiti dan cara tradisi orang zaman dahulu mendapatkan sumber protein dengan cara yang mudah dan pantas.

“Bagi penduduk pesisir pantai yang dibesarkan dengan pelbagai menu ikan segar sejak kecil, pengalaman ini sangat mengimbuai memori manis waktu kecil dahulu dan saya lihat ramai juga pelancong datang merakamkan video dan gambar aktiviti ini sebagai kenang-kenangan,” katanya.